



PEGAWAI SPRM membawa suspek (tengah) untuk mendapatkan permohonan reman di Kompleks Mahkamah Melaka di Ayer Keroh semalam.

Pegawai kanan universiti awam ditahan reman

Rasuah Honda Accord untuk tender RM1.6j

Oleh MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI

MELAKA – Seorang pegawai kanan sebuah universiti awam di negeri ini direman tujuh hari bermula semalam berhubung kes menerima suapan berbentuk kereta bernilai RM174,500.

Perintah reman sehingga 26 September ini terhadap suspek yang berusia dalam lingkungan 50-an dibenarkan Majistret Mazana Sinin di Mahkamah Majistret di sini semalam.

Suspek yang memakai baju

lokap Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berwarna jingga tiba di Kompleks Mahkamah Melaka pada pukul 9.04 pagi. Permohonan reman selesai kira-kira 40 minit kemudian.

Suspek yang merupakan pegawai kanan sebuah universiti awam di sini dipercayai menerima sebuah kereta jenis Honda Accord 2.4 bernilai RM174,500.

Kenderaan itu dipercayai diterima daripada seorang pemilik syarikat kontraktor di Klang, Selangor sebagai dorongan untuk mendapatkan tender bernilai

RM1,654,350.

Pegawai itu diberkas pada pukul 3 petang kelmarin ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM negeri di sini.

Pengarah SPRM Melaka, Mohd. Shahril Che Saad berkata, siasatan lanjut ke atas penjawat awam itu sedang dijalankan di bawah Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Sabit kesalahan, suspek boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 20 tahun atau denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM 10,000 mengikut mana yang lebih tinggi.